

**Najib Hadir Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri
Bernama
31 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menghadiri majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri di Pusat Latihan Polis di Jalan Semarak di sini Sabtu malam.

Ketibaan beliau disambut oleh Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Perdana Menteri meluangkan masa hampir sejam pada majlis yang turut diserikan dengan pertunjukan bunga api selama lima minit.

Turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi serta Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Di majlis itu Ahmad Zahid turut menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM2,000 daripada Kelab Kebajikan dan Rekreasi 1Media untuk diserahkan kepada Tabung Perwira Lahad Datu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974206>